

24/09/1998

Peninju England sedia kuasai emas di Manchester

ENGLAND yang mendominasi acara tinju Kuala Lumpur '98 menaruh harapan untuk melebarkan penguasaan apabila menjadi tuan rumah Sukan Komanwel XVII.

Berbekalkan empat pingat emas daripada Sukan Komanwel XVI, jurulatihnya, Ian Irwin, berkata mereka berupaya untuk menggugat dalam tempoh empat tahun lagi di Manchester 2002.

"Apaptah lagi, kami mempunyai Sukan Olimpik 2000 untuk menyiapkan diri bagi menghadapi temasya ini sekali lagi," katanya.

England memperolehi rekod 100 peratus dalam final apabila empat peninju yang bertarung memenangi emas.

Chris Bessy mengorak langkah untuk negaranya dengan menjuarai kategori 71kg sebelum diikuti John Pearce (75kg), Courtney Fry (81kg) dan Audley Harrison (+91kg).

Kanada pula menduduki tempat kedua dengan tiga emas, diikuti Malaysia, Mauritius, Cameroon, Ghana dan Scotland yang masing-masing memenangi satu emas.

Irwin berkata, semua peninju yang ada sekarang akan dikekalkan kerana usia mereka masih muda untuk membawa cabaran.

Sementara itu, wakil teknikal daripada Persatuan Tinju Antarabangsa (IBA), James Little, berkata Malaysia dan Persekutuan Tinju Amatur Malaysia (PTAM) harus dipuji kerana berjaya melaksanakan tugas penganjuran dengan baik.

"Segala-galanya berjalan lancar sejak hari pertama dan ini mungkin memberi keyakinan kepada negara anda untuk menganjurkan kejohanan besar lain pada masa depan," katanya.

Mengenai kemenangan peninju negara, Sapok Biki, dia berkata pencapaian itu nyata melengkapkan kesempurnaan Malaysia dalam menganjurkan acara tinju Sukan Komanwel ini.

Menurutnya, kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari final turut menjanjikan sokongan kerajaan terhadap sukan tinju pada masa depan.

"Kehadirannya menunjukkan kepada rakyat Malaysia betapa kukuhnya sokongan itu dan saya harap kerajaan anda terus menyokong sukan ini," katanya.

(END)